

Budak lelaki 7 tahun mangsa keenam dijangkiti virus rabies di Sarawak

KUCHING - Jumlah mangsa yang sah dijangkiti virus rabies di Sarawak meningkat kepada enam orang dengan mangsa terbaharu melibatkan seorang budak lelaki berusia tujuh tahun. Sekretariat Jawatankuasa

Pengurusan Bencana Negeri Sarawak (JPBNS) dalam satu kenyataan semalam berkata, mangsa keenam itu berasal dari Kampung Kuala, Gedong dekat sini. Katanya, berdasarkan lapo-

ran Jabatan Kesihatan Negeri Sarawak, kanak-kanak terbabit mempunyai sejarah digigit anjing pada 17 Jun lalu.

"Mangsa kemudian diberi tiga suntikan antirabies pada 21, 24 dan 28 Julai lalu namun kea-

daan kesihatan mangsa semakin merosot.

"Kanak-kanak itu dirujuk ke Hospital Umum Sarawak di sini pada 3 Ogos lalu sebelum disahkan dijangkiti rabies hari ini (semalam)," kata kenyataan itu.

Mangsa kini dilaporkan berada dalam keadaan kritikal.

Kosmo! sebelum ini melaporkan wabak rabies telah meragut lima nyawa membabitkan empat kanak-kanak dan seorang lelaki dewasa.